

22 MAY 1999

Anugerah

SALMEE SOHANA DAN SENAN MENANG ANUGERAH TOKOH PEKERJA

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Kesanggupan menggadai nyawa demi tugas memberi ganjaran kepada pemberita kanan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Puan Salmee Sohana Abdul Manaf apabila dipilih sebagai Tokoh Pekerja Perempuan sempena Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1999 hari ini.

Salmee Sohana, yang menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, hampir-hampir terkena peluru pasukan keselamatan semasa membuat liputan penahanan seorang majistret oleh banduan di Penjara Kuantan pada 1980-an.

Dalam menjalankan tugas, Salmee Sohana juga pernah diserang oleh kumpulan perusuh Mozambique di Afrika dan ditahan oleh pihak keselamatan negara itu.

Sementara itu Encik Senan Abdul Samad, "Scaffolder" Gred Khas Malaysia Shipyard Engineering Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor memenangi anugerah Tokoh Pekerja Lelaki kerana berinovatif mencipta dua peralatan (Staging Towers and Wheels) yang membolehkan syarikatnya menjimatkan RM100,000 setahun.

Cik Yuhanis Adnan dan Encik Zulkifli Mohd Ali pula masing-masing dipilih pemenang Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan Kategori Orang Kurang Upaya dan Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki Kategori Orang Kurang Upaya.

Yuhanis, 31, yang lumpuh kedua-dua belah kaki pada tahun 1990 kerana kecederaan spina, ialah seorang pensyarah di Pusat Sukan Universiti Malaya dan Perunding Psikologi Sukan di pusat perubatan universiti itu.

Beliau diberi penghargaan kerana menunjukkan kegigihan dalam bidang pendidikan, sukan orang kurang upaya dan aktiviti sosial.

Zulkifli, 37, yang juga berkerusi roda kerana penyakit polio sejak berusia enam tahun, menunjukkan teladan baik dengan membuka kedai membaiki radio dan televisyen selain aktif dalam bidang sukan orang kurang upaya.

Kesatuan Pegawai-pegawai Hutan Melayu Malaysia Barat memenangi Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh Kategori Sektor Awam manakala Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia, Semenanjung Malaysia memenangi Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh Kategori Sektor Swasta.

Sementara itu Tenaga Nasional Berhad memenangi Anugerah Majikan Prihatin, Rhombus Sdn Bhd (Anugerah Galakan Tabungan Pekerja), Ladang Chenor di Bandar Pusat Jengka, Pahang (Anugerah Ladang Bahagia), Harris Advanced Technologies (M) Sdn Bhd (Anugerah Pembangunan Tenaga Mahir Kategori Industri Besar),

Master-Pack Sdn Bhd (Anugerah Pembangunan Tenaga Mahir Kategori Industri Kecil dan Sederhana), Amoco Chemical (M) Sdn Bhd (Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kategori Industri Besar) sementara Kimia Zue Huat Sdn Bhd memenangi Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kategori Industri Kecil dan Sederhana.

-- BERNAMA

AFY PR